

Perhambaan moden berlaku di Australia



Perhambaan moden adalah apabila paksaan, ancaman atau penipuan digunakan untuk mengeksploitasi individu dan menafikan kebebasan mereka. Ini adalah jenayah serius di Australia dan termasuk pemerdagangan orang, perhambaan, penghambaan, perkahwinan paksa, buruh paksaan, ikatan hutang, bentuk terburuk buruh kanak-kanak, dan perekrutan bersifat penipuan untuk buruh atau perkhidmatan.

Jika anda atau seseorang yang anda kenali sedang dieksploitasi, bantuan boleh didapati.

Untuk maklumat atau nasihat rahsia sila hubungi Palang Merah Australia. Hubungi 1800 113 015 atau emel kepada national_stpp@redcross.org.au

Anda harus dilayan dengan adil di tempat kerja



Jika anda atau seseorang yang anda kenali adalah:

- Dipaksa untuk bekerja atau tidak selamat di tempat kerja
- Bekerja untuk masa yang panjang dengan masa rehat yang amat sedikit
- Tidak dibayar dengan sewajarnya
- Membayar balik satu hutang yang besar kepada seorang perekrut atau majikan untuk perjalanan, penginapan, pakaian, makanan, pengangkutan atau dokumen kerja
- Tidak dapat meninggalkan tempat kerja mereka atau membincangkan syarat
- Digertak atau diancam di tempat kerja, seperti diberitahu bahawa mereka akan dihantar pulang atau bahawa ahli keluarga akan dcederakan
- Tidak dapat mengakses pasport mereka atau lain-lain dokumen pengenalan diri
- Bekerja di rumah orang lain dan jarang dapat beredar untuk sebab-sebab peribadi atau sosial
- Terdedah kepada penghinaan, layanan buruk, penganiayaan atau keganasan

Bantuan boleh didapati

Palang Merah memberikan nasihat dan sokongan, dan boleh merujukkan anda kepada lain-lain perkhidmatan untuk bantuan. Perkhidmatan penterjemahan boleh didapati. Hubungi 1800 113 015 atau emel kepada national_stpp@redcross.org.au

Terdapat juga satu **program sokongan** yang membantu orang untuk pulih dan membina semula kehidupan mereka. Program ini membantu orang mencari satu tempat yang selamat untuk didiami, menyediakan sokongan untuk mendapat akses kepada penjagaan perubatan, kaunseling dan nasihat perundangan dan migrasi, sokongan kewangan, bantuan dengan pendidikan dan latihan atau mencari satu pekerjaan, dan hubungan rangkaian sosial. Palang Merah boleh memberitahu anda lebih banyak mengenai program ini.*

Jika ia adalah satu kecemasan atau terdapat satu ancaman terhadap keselamatan seseorang hubungi polis di talian **000**. Untuk melaporkan satu kes perhambaan moden yang mungkin hubungi Polis Persekutuan Australia di talian **131 237**.

Ketahui hak anda

Semua pekerja di Australia mempunyai hak asasi yang dilindungi oleh undang-undang. Undang-undang ini merangkumi semua pekerja termasuk mereka dari seberang laut, tanpa mengambil kira berapa lama mereka bermastautin di Australia atau jenis visa.

Untuk maklumat mengenai hak tempat kerja anda, anda boleh lawati www.fairwork.gov.au, atau hubungi Ombudsman Kerja Adil melalui telefon di talian **13 13 94**. Jika anda memerlukan seorang penterjemah, hubungi Perkhidmatan Penterjemahan dan Pentafsiran di talian **13 14 50**.

This Modern Slavery grant activity received grant funding from the Australian Government.

*Palang Merah Australia dibiayai oleh Jabatan Perkhidmatan Sosial untuk menyediakan Sokongan untuk Program Orang Yang Dipemerdagangkan.